



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**  

---

**PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 8 TAHUN 2009**  

---

**BORANG LAPORAN PENILAIAN PRESTASI KHAS BAGI PEGAWAI  
PERKHIDMATAN AWAM**

**1. TUJUAN**

Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan untuk memaklumkan jabatan / agensi Kerajaan mengenai penggunaan Borang Laporan Prestasi Khas Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.

**2. TAKRIF**

Dalam Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, maka:

- 2.1 **“Ketua Jabatan”** bermakna Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang
- 2.2 **“Kerajaan, Kementerian, Jabatan, Pihak Berkuasa”** mana yang berkenaan ertinya Lembaga Pertubuhan Peladang.

### 2.3 **“Pegawai”**

Bermakna penjawat Lembaga Pertubuhan Peladang yang dilantik secara tetap atau sementara atau kontrak ke dalam mana-mana skim perkhidmatan Lembaga Pertubuhan Peladang tetapi tidak termasuk mana-mana pekerja yang dilantik secara sambilan.


## 3. **KEPUTUSAN**

Adalah diputuskan bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 2009 mengenai penggunaan Borang Laporan Penilaian Prestasi Khas Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.

## 4. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(HAJAH MARIAM MAS BINTI YAACOB)**

Ketua Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

APRIL 2009

Edaran kepada:

- Timbalan Ketua Pengarah
- Pengarah Bahagian
- Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang